

**TEKS UCAPAN
YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**PADA
2 APRIL 2014
(RABU)**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA IR. MOHD SALEH BIN SANTHIMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BERUSAHA SR AZIZ BIN ABDULLAH
TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN
PENGARAH KANAN PENGURUSAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

PENDAHULUAN

1. SAYA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA DAPAT KITA BERTEMU LAGI PADA PERHIMPUNAN KALI INI. SAYA JUGA AMAT BERSYUKUR DIPANJANGKAN USIA KITA DAN DIBERI KESIHATAN UNTUK TERUS BERKHIDMAT DI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA BAGI MEMANTAU PERKHIDMATAN LEBUH RAYA AGAR SENTIASA BERADA DI TAHAP YANG CEMERLANG.

2. KITA SUDAH SAMPAI KE SUKU TAHUN 2014, MAKA DENGAN ITU LLM PERLU MENILAI SAMADA LLM BERADA DI LANDASAN YANG BETUL DALAM MENCAPI KESEMUA KPI YANG TELAH DITETAPKAN PADA TAHUN INI. APA YANG PENTING DALAM PENCAPAIAN KPI INI ADALAH IMPAK SETIAP SATU PROJEK KEPADA RAKYAT DAN INDUSTRI LEBUH RAYA BERTOL SECARA KHUSUSNYA DAN PROGRAM PENAMBAHBAIKAN YANG LAIN SECARA AMNYA.

PEMBUKAAN JAMBATAN SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

3. TANGGAL 1 MAC 2013, TELAH TERCATAT SATU SEJARAH DIMANA JAMBATAN KEDUA PULAU PINANG ATAU NAMA BARUNYA JAMBATAN SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH TELAH DIRASMIKAN. JAMBATAN YANG MENJADI IKONIK BARU MALAYSIA INI TELAH DIRASMIKAN OLEH YAB DATO' SRI NAJIB TUN ABDUL RAZAK PERDANA MENTERI MALAYSIA. YAB PERDANA MENTERI JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA PENGGUNA JAMBATAN SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH TIDAK DIKENAKAN TOL SELAMA SEBULAN.

4. SEKALUNG TAHNIAH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM TERUTAMA PASUKAN PROJEK JPP2 YANG TELAH BERUSAHA SELAMA INI BAGI MEREALISASIKAN IMPIAN DAN KOMITMEN KERAJAAN DALAM MENDAHULUKAN RAKYAT DAN MENGUTAMAKAN PENCAPAIAN. TIDAK LUPA JUGA UCAPAN TAHNIAH KEPADA URUSETIA-URUSETIA YANG TERLIBAT DENGAN MAJLIS PERASMIAN PENUH BERSEJARAH INI YANG TELAH MEMBANTU MELANCARKAN PELANCARAN MAJLIS PERASMIAN JAMBATAN SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH.

LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN PERBELANJAAN KERAJAAN OLEH YBHG. TAN SRI DR. ALI HAMSA KETUA SETIAUSAHA NEGARA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

5. PEKELILING AM BIL.2/2014; PERATURAN PENGANJURAN MAJLIS-MAJLIS KERAJAAN TELAH DIKELUARKAN BERHUBUNG LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN PERBELANJAAN KERAJAAN SEMUA KETUA PERKHIDMATAN DAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN. DI ANTARA LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN PERBELANJAAN KERAJAAN YANG DITETAPKAN ADALAH:

- i. AMALAN MENYEDIAKAN BAJU KORPORAT BAGI SETIAP ACARA KERAJAAN WAJAR DIHENTIKAN. PERKARA INI SEMEMANGNYA BUKANLAH AMALAN DI LLM DIMANA BAGI SETIAP ACARA RASMI SEPERTI MAJLIS PERASMIAN LEBUH RAYA, KITA HANYA MENGGUNAKAN BAJU KORPORAT YANG SAMA BAGI SETIAP MAJLIS.
- ii. MEMASTIKAN TIDAK BERLAKU PEMBAZIRAN DALAM PENGANJURAN ACARA ATAU MAJLIS KERAJAAN BAGI MEMASTIKAN PERKARA INI DIPRAKTIKKAN SAMA MENYERU AGAR KURANGKAN PERHIASAN

MAJLIS SEPERTI PENGGUNAAN BUNGA DAN PERHIASAN MEJA VIP YANG KELIHATAN MEWAH. PERKARA INI PERLU DIAMBIL PERHATIAN KEPADA URUSETIA YANG MENGURUSKAN PROGRAM.

- iii. TIADA PEMBERIAN CENDERAMATA KEPADA PARA PEMIMPIN YANG HADIR DI MAJLIS/ACARA KERAJAAN MAHUPUN ANJURAN PIHAK SWASTA DAN BADAN BUKAN KERAJAAN. PEMBERIAN YANG SESUAI SAHAJA DIBENARKAN SEPERTI BUAH-BUAHAN TEMPATAN ATAU BUKU.
- iv. AMALAN MENYIARKAN UCAPAN TAHNIAH DAN PENGHARGAAN KEPADA PARA PEMIMPIN MELALUI IKLAN DALAM AKHBAR JUGA PERLU DIHENTIKAN.

6. PERKARA-PERKARA YANG TELAH SAYA SEBUTKAN SEBENTAR TADI ADALAH BERKUAT KUASA SERTA MERTA DAN HARUS DIBERI PERHATIAN OLEH SEMUA PENJAWAT AWAM. LLM JUGA MENYAHUT SARANAN KSN INI ANTARANYA DENGAN MENETAPKAN KPI 2014 IAITU MENGURANGKAN 5% KILOWATT ELEKTRIK.

KELESTARIAN DAN MESRA ALAM DI DALAM PEMBINAAN DAN PENGURUSAN LEBUH RAYA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

7. DUNIA HARI INI KIAN DILANDA PELBAGAI PERMASALAHAN ALAM SEKITAR DAN CABARAN MELINDUNGINYA DALAM MENGEJAR KEMAJUAN PEMBANGUNAN NEGARA. JUSTERU LLM TELAH MELAKSANAKAN PELBAGAI INISIATIF MELUASKAN AMALAN MESRA ALAM DAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU SEBAGAI LANGKAH MENYOKONG USAHA MEMELIHARA KHAZANAH SEMULAJADI NEGARA DAN ALAM SEKITAR DI

SAMPING MEMASTIKAN PERSEKITARAN YANG KONDUSIF UNTUK KEHIDUPAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT.

8. SEBAGAI BUKTI BAHAWA LLM BERADA DI LANDASAN PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN YANG BETUL BAGI KELESTARIAN DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI HIJAU, KITA TELAH MEMPEROLEHI PERSIJILAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR DAN YANG TERBARU ADALAH KE ARAH MENCAPAI PENARAFAN GREEN HIGHWAY INDEX (MYGHI) DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA. MYGHI ADALAH MERUPAKAN SATU PARAMETER YANG BAIK BAGI MENGUKUR *GREEN LEVEL* DI LEBUH RAYA SERTA MAMPU MEMBERI IMPAK JANGKA PANJANG TERHADAP KESEIMBANGAN EKOLOGI NEGARA. IANYA JUGA SEBAGAI PLATFORM UNTUK AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA YANG TERLIBAT DALAM INDUSTRI LEBUH RAYA UNTUK SAMA-SAMA MENZAHIRKAN IDEA BAGI MEMBANGUNKAN LEBUH RAYA HIJAU. DENGAN ADANYA INDEKS INI, MAKA PROSES KE ARAH MEWUJUDKAN LEBUH RAYA HIJAU AKAN DAPAT DIREALISASIKAN. MYGHI DALAM BENTUK MANUAL TELAH DIBANGUNKAN HASIL KERJASAMA DI ANTARA LLM DAN UTM.

MOBILE APPS

9. LLM PERLU MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MENGGUNA APLIKASI PERANTI MUDAH ATAU MOBILE APPS YANG MERUPAKAN TEKNOLOGI PERISIAN TERKINI. IANYA MEMBOLEHKAN SESUATU APLIKASI DI MUAT TURUN KE TELEFON PINTAR SUPAYA PENGGUNA DAPAT MENGAKSES SESUATU PERKHIDMATAN DENGAN LEBIH CEPAT.

FENOMENA CUACA

10. SELAIN DARI PENCAPAIAN DAN USAHA-USAHA MEMAJUKAN NEGARA KITA, PELBAGAI CABARAN DIHADAPI NEGARA SEJAK AWAL TAHUN INI. DI ANTARANYA MUSIM KEMARAU YANG MELANDA SEJAK BULAN FEBRUARI 2014 TELAH MENYEBABKAN CATUAN AIR DILAKSANAKAN DI BEBERAPA BUAH KAWASAN. INI DIBURUKKAN LAGI DENGAN TAHAP KUALITI UDARA YANG TIDAK SIHAT DAN BERJERUBU AKIBAT DARIPADA PEMBAKARAN YANG MUDAH BERLAKU EKORAN CUACA PANAS DAN KERING YANG BERLANJUTAN. BAGI MEMBANTU RAKYAT MENGHADAPI MASALAH BEKALAN AIR YANG TERUK, EMPAT KEMENTERIAN IAITU KEMENTERIAN PERTAHANAN, KESEJAHTERAAN BANDAR DAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN SERTA KERJA RAYA BERGABUNG TENAGA MENGGERAKKAN ANGGOTA DAN ASET MASING-MASING MENGHANTAR BEKALAN AIR KE KAWASAN YANG MENGALAMI KRISIS. BEGITU JUGA DENGAN LLM DI MANA SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA TELAH DIARAH UNTUK BERSIAP SIAGA MENYEDIAKAN LORI TANGKI AIR BAGI MENYALURKAN BEKALAN AIR KE KAWASAN SEKITAR LEMBAH KLANG. ALHAMDULILLAH, BEBERAPA HARI KEBELAKANGAN INI KITA TELAH DIKURNIAKAN HUJAN YANG LEBAT YANG MELEGAKAN KEADAAN SEMASA DAN MENGURANGKAN MASALAH JEREBU YANG DIALAMI.

PENERBANGAN MH370

11. NEGARA JUGA TELAH DIGEMPARKAN DENGAN TRAGEDI KEHILANGAN PESAWAT MH370 PADA 8 MAC 2014 YANG SEHINGGA KINI MASIH LAGI BELUM DIJUMPAI. KEHILANGAN PESAWAT TERSEBUT YANG MENJADI TANDA TANYA SELAMA 17 HARI TELAH DIUMUMKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI PADA 24 MAC 2014 BAHAWA PENERBANGAN

TERSEBUT DISAHKAN BERAKHIR DI SEBUAH KAWASAN TERPENCIL DI SELATAN LAUTAN HINDI. USAHA Mencari Pesawat MH370 masih diteruskan oleh kerajaan dengan bantuan negara-negara lain.

12. Saya menggesa semua warga LLM supaya tidak menyebarkan apa-apa spekulasi mengenai kehilangan pesawat tersebut. Kita perlu menunjukkan contoh dan teladan yang baik dan sentiasa menjaga disiplin dan nama baik kita sebagai kakitangan awam dalam berhadapan dengan apa-apa krisis atau isu semasa. Semoga Allah terus memberi kekuatan kepada ahli-ahli keluarga kepada penumpang dan kakitangan penerbangan Malaysia yang berada di dalam penerbangan tersebut. Selain dari itu, dugaan juga telah dihadapi oleh warga LLM sendiri dimana terdapat ahli anggota keluarga warga LLM yang kembali ke rahmatullah. Perkara-perkara yang berlaku ini adalah ujian kepada kita semua. Bersama-sama lah kita berdoa agar diberi kesabaran dan petunjuk kerana pasti ada hikmah di sebaliknya.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Sebelum mengakhiri ucapan di perhimpunan kali kedua tahun ini, besar harapan saya agar seluruh warga LLM berusaha menjalankan tugas dengan beramanah dan berintegriti, khususnya demi menjaga nama baik perkhidmatan awam. Pada zaman siber ini, setiap tindakan dan keputusan kita sentiasa dinilai dan dikritik oleh masyarakat di luar sana

MELALUI PEMERHATIAN MEREKA DALAM DUNIA BERMAKLUMAT TANPA SEMPADAN. JUSTERU, PELIHARALAH INTEGRITI KITA SEBAGAI PENJAWAT AWAM BAGI MEMASTIKAN TIDAK BERLAKUNYA KETIRISAN WANG MAHUPUN MAKLUMAT YANG MAMPU MENGGUGAT KEUTUHAN PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN OLEH LLM, IN SYAA ALLAH .

SEKIAN, WABILLAHITAFIK WALHIDAYAH. ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

TERIMA KASIH.